Amaran!
Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

# "KHUTBAH WADA' : WASIAT TERAKHIR NABI BUAT UMAT"

22 Mei 2026 / 5 Zulhijah 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ[1] الَّذِي أَرْسَلَ رَسُوْلَهُ بِالْهُدَى وَدِيْنِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّيْنِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللهِ شَهِيْدًا. أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ[2] وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ والتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ! اتَّقُوْا اللهَ[3] أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

**Jemaah yang dirahmati Ilahi**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, kerana ketakwaan itu menjadikan kita insan berilmu, ditinggikan darjat, seterusnya mendapat keampunan dan kemuliaan di sisi Allah SWT. Mimbar hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: **" KHUTBAH WADA': WASIAT TERAKHIR NABI BUAT UMAT"**

Firman Allah SWT:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ

Bermaksud: Pada hari ini, telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah Aku cukupkan nikmat Ku untuk kamu, dan Aku meredai Islam itu sebagai agama kamu. (Surah Al-Maaidah ayat 3)

Alhamdulillah kita kini berada dalam bulan Zulhijah; bulan mulia, terutamanya pada sepuluh hari terawal Zulhijah, yang merupakan waktu paling disukai Allah untuk beramal soleh, termasuk salah satunya, Hari Arafah (pada 9 Zulhijjah), hari yang mustajab doa.

[1] Memuji Allah
[2] Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW
[3] Pesan Taqwa

Khutbah Wada' diriwayatkan berlaku pada hari Arafah 9 Zulhijah tahun kesepuluh Hijrah. Dipetik daripada kitab sirah Ibnu Hisham, Nabi SAW memulakan khutbah dengan tanda-tanda pengakhiran dan perpisahan, sabda baginda :

**أَيُّهَا النَّاسُ اسْمَعُوا قَوْلِي فَإِنِّي لَا أَدْرِي لَعَلِّي لَا أَلْقَاكُمْ بَعْدَ عَامِي هَذَا بِهَذَا الْمَوْقِفِ أَبَدًا**

Bermaksud: "Wahai manusia, dengarlah kata-kata ku ini. Sesungguhnya aku tidak tahu, barangkali aku tidak akan bertemu kamu lagi selepas tahun ini di tempat ini selama-lamanya."

Baginda menyambung sabdanya;

Bermaksud: "Wahai manusia, sesungguhnya darah kamu dan harta kamu adalah haram (tidak boleh dilanggar) ke atas kamu sehingga kamu bertemu Tuhan kamu, sebagaimana sucinya hari kamu ini dan sucinya bulan kamu ini. Dan sesungguhnya kamu akan bertemu Tuhan kamu, lalu Dia akan menyoal kamu tentang amalan kamu. Sesungguhnya aku telah menyampaikan.

Maka sesiapa yang mempunyai amanah, hendaklah dia menunaikannya kepada orang yang mempercayakannya. Dan sesungguhnya segala riba dihapuskan, tetapi kamu berhak atas pokok harta kamu; kamu tidak menzalimi dan tidak dizalimi. Allah telah menetapkan bahawa tiada riba. Dan riba Al-Abbas bin Abdul Muttalib dihapuskan seluruhnya.

Dan sesungguhnya segala tuntutan darah pada zaman jahiliah dihapuskan. Dan darah pertama yang aku hapuskan ialah darah anak Rabi'ah bin al-Harith bin Abdul Muttalib. Dia dahulu disusukan dalam kalangan Bani Laits, lalu dibunuh oleh Huzail. Maka itulah yang pertama aku mulakan daripada penghapusan darah jahiliah.

Adapun selepas itu, wahai manusia, sesungguhnya syaitan telah berputus asa untuk disembah di bumi kamu ini selama-lamanya. Tetapi jika dia ditaati dalam perkara selain itu, maka dia redha dengannya daripada perkara-perkara kecil yang kamu anggap remeh. Maka berhati-hatilah terhadapnya demi agama kamu.

Wahai manusia, sesungguhnya penangguhan bulan (nasī'a) itu adalah penambahan dalam kekufuran; orang-orang kafir disesatkan dengannya. Mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain, supaya mereka menyesuaikan bilangan apa yang Allah haramkan, lalu mereka menghalalkan apa yang Allah haramkan dan mengharamkan apa yang Allah halalkan.

Adapun selepas itu, wahai manusia, sesungguhnya kamu mempunyai hak ke atas isteri-isteri kamu dan mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Hak kamu ke atas mereka ialah mereka tidak membenarkan sesiapa yang kamu benci berada di tempat tidur kamu, dan mereka tidak melakukan perbuatan keji yang nyata. Jika mereka melakukannya, maka Allah mengizinkan kamu menjauhi mereka di tempat tidur dan memukul mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan. Jika mereka berhenti, maka mereka berhak mendapat rezeki dan pakaian secara baik.

Berpesanlah kamu tentang wanita dengan kebaikan, kerana mereka berada dalam tanggungan kamu dan tidak memiliki apa-apa untuk diri mereka. Sesungguhnya kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan kamu menghalalkan mereka dengan kalimah Allah.

Maka fahamilah, wahai manusia, kata-kata ku. Sesungguhnya aku telah menyampaikan. Aku telah meninggalkan kepada kamu sesuatu yang jika kamu berpegang teguh dengannya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi.

Wahai manusia, dengarlah kata-kata ku dan fahamilah. Ketahuilah bahawa setiap Muslim ialah saudara bagi Muslim yang lain, dan orang-orang Muslim itu bersaudara. Maka tidak halal bagi seseorang mengambil sesuatu daripada saudaranya kecuali dengan kerelaannya. Maka janganlah kamu menzalimi diri kamu sendiri."

**Jemaah Rahimakumullah,**

Khatib meringkaskan pesanan Nabi SAW kepada lapan perkara;

**Pertama : Kesucian darah, harta dan maruah**

Islam sangat memelihara hak manusia; oleh sebab itu Islam meletakkan keamanan sebagai asas pembinaan masyarakat. Nyawa, harta benda dan kehormatan seseorang tidak boleh dicerobohi. Membunuh, merompak, menipu, memfitnah dan mencemarkan nama baik adalah dosa besar.

**Kedua: Bersifat amanah.**

Amanah ialah asas kepada kesempurnaan iman dan akhlak seseorang Muslim. Oleh itu umat wajib menunaikan hak yang diamanahkan kepada ahlinya dengan jujur kerana mengabaikan tanggungjawab merupakan satu bentuk pengkhianatan.

**Ketiga: Penghapusan amalan jahiliah dan riba**

Ajaran Islam menghapuskan segala bentuk kezaliman, penindasan, taksub kepada kaum, adat yang bercanggah dengan syariat, serta budaya yang merosakkan akhlak. Antara bentuk kezaliman yang dihapuskan oleh Islam adalah berbunuhan membalas dendam dan amalan riba.

**Keempat: Waspada dengan gangguan syaitan dan kewajipan menjaga agama;**

Syaitan ialah musuh utama manusia; Syaitan akan sentiasa cuba mempengaruhi manusia untuk melakukan kejahatan, permusuhan dan kemaksiatan yang akan menjerumuskan seseorang ke lembah kerosakan.

**Kelima: Larangan mengharamkan apa yang dihalalkan dan sebaliknya;**

Perkara halal dan haram ialah hak Allah SWT. Islam adalah satu-satunya agama yang menjaga fitrah kemanusiaan. Islam tidak akan menghalalkan perkara-perkara yang mendatangkan mudarat kepada manusia, dan tidak pula mengharamkan perkara yang memberi kebaikan kepada manusia.

**Keenam: Kewajipan memuliakan wanita (iaitu isteri)**

Isteri merupakan amanah Allah SWT, dan Allah memerintahkan agar suami menggauli isteri dan memperlakukannya dengan makruf (baik) serta menjaga hak-hak isteri.

**Ketujuh: Berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunah.**

Al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW wajib dijadikan rujukan utama dan pegangan dalam mengurus kehidupan seharian.

**Kelapan: Ukhuwah Islamiah.**

Persaudaraan sesama umat Islam wajib dipelihara dan merupakan asas utama yang menyatukan umat Islam di seluruh dunia tanpa mengira bangsa, keturunan, warna kulit atau sempadan negara.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ[4] حَمْدًا كَثِيْرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ[5] وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ! اِتَّقُوْا اللهَ[6] وَكُوْنُوْا مَعَ الصَّادِقِيْنَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا[7]

**اللَّهُمَّ** صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ. **اللَّهُمَّ** اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ والْمُؤْمِنَاتِ[8]، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِهِمْ وَاجْعَلْ فِيْ قُلُوْبِهِمُ الْإِيْمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ. **اللَّهُمَّ** أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِيْ فِلَسْطِين، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!,** Satukanlah hati-hati kami sebagai umat Islam yang kuat berpegang dengan keimanan yang jitu. Kukuhkanlah perpaduan dalam kalangan kami. Satukanlah kami atas jalan kebenaran berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

[4] Memuji Allah
[5] Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW
[6] Pesan Taqwa
[7] Ayat Al-Quran
[8] Doa untuk Kaum Muslimin

**Ya Mannan! Ya Razzaq!,** berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

عِبَادَ اللهِ، ﴿إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآئِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوْا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.